

NO. SOALAN: 233

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

RUJUKAN : 8728

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membendung dan menghapuskan gejala pemberi pinjam wang yang mengenakan faedah yang sangat tinggi (Ah Long) yang kini berleluasa.

JAWAPAN:

Takrifan pemberi wang dibawah seksyen 5 (1) Akta Pemberi Pinjam Wang (APPW) 1951 adalah sesiapa sahaja yang menjalankan aktiviti memberi pinjam wang dengan memperolehi keuntungan daripada aktiviti tersebut hendaklah memperolehi lesen di bawah akta tersebut daripada pendaftar. Seseorang yang menjalankan aktiviti pemberi pinjam wang tanpa lesen atau pemberi pinjam wang yang dilesenkan tapi menjalankan operasinya di luar kawasan yang dibenarkan untuk beroperasi ditakrifkan juga sebagai Ah Long.

Statistik kertas siasatan yang dibuka di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang (APPW) 1951 bagi tahun 2013 sehingga 2015 (sehingga Jun) seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Kertas Siasatan (KS) Dibuka	Tangkapan	Jumlah Pertuduhan
2013	461	199	54
2014	562	98	90
2015	802	351	44
JUMLAH	1825	648	188

Bagi kesalahan pemberi pinjam wang tanpa lesen yang disiasat dibawah seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjam Wang (APPW 1951) boleh dikenakan denda tidak kurang dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih satu juta ringgit atau hukuman penjara

lima tahun atau kedua-duanya dan sekiranya kesalahan berulang boleh dikenakan sebatan.

Bagi kesalahan di bawah seksyen 29AA Akta Pemberi Pinjam Wang (APPW) 1951 iaitu larangan membantu pemberi pinjam wang tanpa lesen boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Bagi membentaras kegiatan Ah Long ini, selain daripada langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang, pihak polis juga mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:-

- i. Memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan ancaman dan bahaya Ah Long. Kempen-kempen kesedaran ini dilakukan melalui program-program wawancara dengan pihak media massa (TV9/Astro Awani/RTM) dan menggunakan saluran media sosial (laman web/facebook/twitter dan lain-lain).**
- ii. Pihak polis juga turut bekerjasama dengan lain-lain agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur dengan mengadakan ceramah dan seminar bagi mendidik orang ramai tentang bahaya Ah Long. Di samping itu, dalam kempen-kempen pencegahan**

jenayah yang dijalankan oleh PDRM, risalah-risalah mengenai Ah Long turut disebarakan kepada masyarakat supaya mereka lebih memahami dan membuat keputusan bijak untuk tidak meminjam daripada Ah Long.

- iii. Bagi tujuan penguatkuasaan yang lebih efisien, kerjasama juga dilakukan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memberikan bantuan keselamatan dalam operasi menurunkan poster dan iklan-iklan mengenai Ah Long. Pihak polis juga bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam tindakan penguatkuasaan, pencegahan dan kempen-kempen memerangi Ah Long. Bagi menjayakan kerjasama ini, PDRM turut menempatkan beberapa orang pegawai kanan di Kementerian tersebut.
- iv. Mengambil pendekatan '*hit their pockets*' melalui tindakan di bawah seksyen 4(1) AMLATFA 2001.

Pihak polis sentiasa berusaha untuk membanteras kegiatan Ah Long daripada berleluasa yang boleh menimbulkan kebimbangan dan kegusaran dikalangan masyarakat serta terdapat kes yang mana peminjam diperlakukan di luar batas kemanusiaan untuk membayar kembali hutang yang dipinjam.